

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999

September 1999

SEW211- Mikroekonomi I

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA PULUH DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Bahagian A (65%)

Jawab SEMUA soalan. Pilih jawapan yang paling tepat dan isikan jawapan anda ke dalam borang OMR.

1. Di antara kenyataan-kenyataan di bawah, yang manakah tidak merujuk kepada aksiom-aksiom pilihan pengguna yang telah dibincangkan dalam kuliah?
 - a. Jika longgok x diutamakan dari longgok y dan longgok y diutamakan dari longgok z, maka longgok x diutamakan dari longgok z.
 - b. Pengguna boleh membuat keputusan longgok yang mana diutamakan, ataupun kedua-dua longgok memberi kepuasan yang sama.
 - c. Pengguna akan menggunakan barangan tersebut sehingga pendapatan dihabiskan.
 - d. Pengguna akan menggunakan seberapa banyak barangan yang boleh.
 - e. Semua jawapan di atas adalah benar.

2. Kenyataan yang manakah benar?
 - a. Bila kos marginal bertambah, kos purata berkurang.
 - b. Kos purata sama dengan kos marginal apabila kos marginal berada pada titik paling minimum.
 - c. Bila kos marginal lebih besar dari kos purata, kos purata sedang bertambah.
 - d. Bila kos purata lebih besar dari kos marginal, kos marginal sedang bertambah.
 - e. Semua jawapan di atas adalah benar.

3. Firma pasaran persaingan sempurna akan menambahkan pengeluaran selagi ...
 - a. hasil purata melebihi kos marginal.
 - b. kos marginal melebihi hasil marginal.
 - c. keuntungan setiap unit output melebihi kos marginal.
 - d. harga pasaran sama dengan kos marginal.

...2/-

4. Syarikat Koperatif sedang mengeluarkan output dalam jangka pendek dan firma tersebut mendapati bahawa keluaran purata (AP_L) = 10 dan keluaran marginal (MP_L) = -25. Bagi firma ini, ...
 - a. pengeluaran sedang berlaku pada Tahap II.
 - b. nilai keanjalan pengeluaran (E_p) firma adalah 0.4.
 - c. penggunaan input patut ditambahkan lagi.
 - d. keuntungan dapat ditambah atau kerugian dapat dikurangkan dengan mengurangkan penggunaan input.
 - e. Tiada jawapan di atas.


5. Dalam teori pilihan pengguna, kombinasi barangan yang memaksimumkan utiliti pengguna boleh didapati dengan menggunakan konsep garis belanjawan dan keluk puas sama. Keluk puas sama digunakan untuk menjelaskan ...
 - a. kombinasi dua barangan yang memberi kepuasan yang sama kepada pengguna.
 - b. kombinasi maksimum dua barangan yang boleh diperolehi oleh pengguna dengan pendapatan pengguna.
 - c. kombinasi minimum dua barangan yang boleh diperolehi oleh pengguna dengan pendapatan pengguna.
 - d. bagaimana jumlah kepuasan pengguna berubah hasil dari penggunaan kombinasi barangan yang berlainan.
 - e. Jawapan (a) dan (d) adalah benar.

6. Titik tangen di antara sesuatu keluk isokuan and garis isokos menunjukkan ...
 - a. output maksimum yang boleh dicapai oleh sesebuah firma dengan kos yang diberi.
 - b. kos minimum yang diperlukan untuk mencapai sesuatu output.
 - c. kombinasi input di mana nisbah keluaran marginal sama dengan nisbah harga input.
 - d. keseimbangan yang dicapai oleh seseorang pengguna.
 - e. Jawapan (a) dan (b) adalah benar.

7. Keluk penawaran jangka pendek industri persaingan sempurna didapati dengan ...
 - a. mencampurkan segmen MC yang berada di atas keluk AVC setiap firma.
 - b. mencampurkan segmen MR yang berada di atas keluk AVC setiap firma.
 - c. mencampurkan segmen keluk permintaan yang berada di atas keluk AVC setiap firma.
 - d. mencampurkan segmen AC yang berada di atas keluk MC setiap firma.
 - e. Tiada jawapan di atas.

8. Model Cournot dalam pasaran oligopoli ...
- mengandaikan setiap firma akan cuba melayani bahagian pasaran yang tidak dikuasai oleh pesaingnya.
 - menerangkan mengapa kestabilan harga lebih mungkin berlaku dalam pasaran oligopoli jika dibandingkan dengan pasaran lain.
 - mempunyai andaian setiap firma menjangka tahap output pesaing akan berubah pada setiap peringkat.
 - menyatakan bahawa semua firma akan berpakat untuk mengelak peperangan harga dari berlaku.
 - mengandaikan sebuah firma yang berkos rendah ataupun tercekap manakala firma pengikut mempunyai kos yang lebih tinggi.
9. Firma monopoli akan memaksimumkan keuntungannya dengan mengeluarkan output di mana ...
- keuntungan setiap unit adalah terbesar.
 - jumlah hasil dimaksimumkan.
 - hasil marginal dimaksimumkan.
 - ia memaksimumkan perbezaan di antara jumlah hasil dan jumlah kos.
 - Semua jawapan di atas adalah benar.
10. Menurut hukum utiliti marginal berkurangan ...
- penambahan utiliti dari penggunaan tambahan seunit barangan akan berkurang apabila lebih banyak barangan digunakan.
 - penambahan utiliti dari penggunaan tambahan seunit barangan akan mencapai tahap negatif apabila lebih banyak barangan digunakan.
 - bila lebih banyak barang A dan lebih sedikit barang B digunakan, utiliti marginal barang A akan menurun pada akhirnya.
 - pada akhirnya, jumlah utiliti akan turut berkurang kerana utiliti marginal berkurang apabila lebih banyak barangan digunakan.
 - Tiada jawapan di atas.
11. Resepi Chef Wan menyatakan bahawa untuk menyediakan Kek ZoomZoom (yang hanya memerlukan dua jenis ramuan), setiap dua sudu teh gula dapat digantikan dengan lima gram tepung biasa, dan kelazatan kek tersebut tidak akan berubah. Oleh yang demikian, isokuan Kek ZoomZoom ...
- mencerun ke bawah dengan kecerunan yang tetap.
 - bersudut tepat dengan titik pertemuan menghala ke arah pusat kordinat.
 - mencembung ke arah pusat kordinat dengan kecerunan yang berbeza.
 - mencekung ke arah pusat kordinat dengan kecerunan yang berbeza.
 - mencembung ke arah pusat kordinat dengan kecerunan yang tetap.

Gunakan gambarajah di bawah untuk menjawab soalan-soalan 12-14.




12. Aksiom ketidakpuasan mencadangkan pengguna memilih ...
- a. longgok pada keluk U_2 dari longgok pada keluk U_3 .
 - b. longgok pada keluk U_3 dari longgok pada keluk U_2 .
 - c. longgok pada titik E dari longgok pada titik B.
 - d. longgok pada titik A dari longgok pada titik E.
 - e. Tiada jawapan di atas.
13. Dari garis belanjawan dan titik E yang optimal, pengguna ...
- a. berasa sama puas di antara longgok A dan C dan di antara longgok B dan D, tetapi memilih E dari A.
 - b. berasa sama puas di antara longgok A dan B dan di antara longgok C dan D.
 - c. berasa sama puas di antara longgok A dan E dan C dan di antara longgok B dan D, tetapi memilih E dari D.
 - d. berasa sama puas di antara longgok A dan E dan C, tetapi memilih longgok E dari B dan A.
 - e. Jawapan (a) dan (c) adalah benar.
14. Bagi pengguna tersebut, teh dan murtabak ...
- a. merupakan barangan penggenap sempurna.
 - b. merupakan barangan pengganti sempurna.
 - c. boleh digantikan di antara satu sama lain dengan kadar yang tetap.
 - d. boleh digantikan di antara satu sama lain dengan kadar yang berkurangan.
 - e. boleh digantikan di antara satu sama lain dengan kadar yang bertambah.

...5/-

15. Anda sedang membuat persiapan untuk mencetak nota-nota kursus ini untuk dijual kepada kawan-kawan anda semester depan. Kos membeli mesin cetak adalah RM420; manakala kos mencetak setiap pekej adalah RM2. Fungsi kos purata untuk nota-nota kursus ini diberi oleh:
- RM420 + RM2X
 - RM420/X + RM2
 - RM420/X + RM2X
 - RM422X
 - Tiada jawapan di atas.
16. Setiap pengusaha yang ingin mencapai tingkat keuntungan maksimum perlu ...
- mengenakan harga mengikut kesanggupan membayar para pengguna.
 - mengeluarkan output dengan seberapa banyak yang mungkin untuk memaksimumkan jumlah hasil.
 - membelanjakan sekurang-kurangnya yang mungkin wang/modal untuk membeli input-input pengeluaran.
 - memaksa pesaing-pesaingnya keluar dari pasaran.
 - menyamakan harga dengan hasil marginal ($P = MR$) barangan tersebut.
17. Firma pasaran persaingan sempurna menghadapi keluk permintaan yang mendatar. Ini memberi implikasi bahawa ...
- harga langsung tidak akan berubah.
 - tindakan firma tidak mempunyai kesan ke atas harga.
 - kadar output firma tidak boleh ditentukan.
 - firma mempunyai keuntungan sifar.
 - Semua jawapan di atas adalah benar.
18. Dalam pasaran oligopoli, output firma dominan ditentukan ...
- oleh firma dominan yang mengeluarkan seberapa banyak yang boleh mengikut fungsi pengeluarannya.
 - oleh kos marginal yang disamakan dengan keluk permintaan.
 - dengan menolak penawaran output firma-firma kecil dari keluk permintaan industri.
 - dengan menyamakan hasil marginalnya dengan kos marginal firma-firma lain.
 - Tiada jawapan di atas.

19. Pada output 1000 unit, firma monopoli mempunyai hasil purata RM40, hasil marginal RM30, kos marginal RM30, kos berubah purata RM35, dan kos tetap RM5000. Firma monopoli ini ...
- sedang memaksimumkan keuntungan dan keuntungan adalah sifar.
 - sedang memaksimumkan keuntungan dan keuntungan adalah RM5000.
 - tidak memaksimumkan keuntungan; tetapi ia boleh jika ia menambahkan output.
 - tidak memaksimumkan keuntungan; tetapi ia boleh jika ia mengurangkan output.
 - tidak memaksimumkan keuntungan; namun begitu, keuntungan adalah RM5000.
20. Katakan Salmah mempunyai dua jenis makanan kegemaran: ais krim dan coklat. Harga ais krim dan coklat adalah RM1.00 dan RM2.00 masing-masing. Dalam keseimbangan, Salmah menikmati kedua-dua jenis makanan kegemarannya. Andaikan Salmah telah memilih sesuatu longgok dimana utiliti marginal ais krim yang terakhir adalah 10 util dan utiliti marginal coklat terakhir adalah 25 util. Tambahan lagi, jumlah kos yang perlu dibelanjakan adalah sama dengan pendapatan Salmah. Oleh itu ...
- Salmah berada dalam keseimbangan.
 - Salmah boleh menambahkan utilitinya dengan menggunakan lebih banyak ais krim dan mengurangkan penggunaan coklat.
 - Salmah boleh menambahkan utilitinya dengan menggunakan lebih banyak ais krim dan coklat.
 - Salmah boleh menambahkan utilitinya dengan menggunakan lebih banyak coklat dan mengurangkan penggunaan ais krim.
 - Tiada jawapan di atas.
21. Di sepanjang keluk isokuan ...
- salah satu input dianggap tetap.
 - output dianggap tetap.
 - kos dianggap tetap.
 - utiliti dianggap tetap.
 - Tiada jawapan di atas.
22. Keluk Engel merupakan hubungan di antara _____ dan _____ sesuatu barangan.
- harga / penggunaan
 - pendapatan pengguna / harga
 - pendapatan pengguna / penggunaan
 - keluk permintaan / harga
 - keluk penawaran / harga

Gunakan gambarajah di bawah untuk menjawab soalan-soalan 23-25.



23. Andaikan seorang pengguna mempunyai RM5.00 sebagai perbelanjaan untuk dua barangan kegemarannya, 7-Up dan Coklat. Jika sebotol 7-Up berharga RM0.25 dan sebatang coklat adalah RM0.50, penggunaan barangan yang optimal dalam gambarajah di atas adalah pada ...
- a. titik A.
 - b. titik B.
 - c. titik C
 - d. paras 0 botol 7-Up dan 10 batang coklat.
 - e. Tiada jawapan di atas.
24. Jika pengguna tersebut mempunyai RM5.00 sebagai perbelanjaan dan harga sebotol 7-Up dan sebatang coklat adalah RM0.50 masing-masing, penggunaan barangan yang optimal dalam gambarajah di atas adalah pada ...
- a. titik A.
 - b. titik B.
 - c. titik C
 - d. paras 0 botol 7-Up dan 10 batang coklat.
 - e. Tiada jawapan di atas.
25. Gambarajah di atas menunjukkan bahawa kenaikan harga 7-Up akan ...
- a. menambahkan kuantiti di minta 7-Up.
 - b. menurunkan kuantiti di minta 7-Up.
 - c. menambahkan kuantiti di minta coklat.
 - d. menurunkan pendapatan pengguna.
 - e. Tiada jawapan di atas.

26. Kenyataan yang manakah merupakan andaian pasaran persaingan sempurna?
- Firma dalam industri mengeluarkan output yang sama.
 - Firma dalam industri bersaing rapat dengan satu sama lain.
 - Tiada batasan semulajadi tetapi terdapat batasan lain seperti “franchise”.
 - Firma menghadapi keluk kos marginal yang berkurangan.
 - Tiada jawapan di atas.
27. Jika jumlah hasil jatuh sebanyak RM5.00 apabila firma monopoli menjual seunit output tambahan ...
- monopoli tidak mempunyai kuasa monopoli.
 - monopoli tidak memaksimumkan keuntungannya.
 - monopoli sedang beroperasi pada segmen bawah keluk permintaannya.
 - keluk permintaan berada di bawah paksi mendatar.
 - Semua jawapan di atas adalah benar.
28. Dalam model pimpinan harga oleh firma berkos rendah (tercekap) ...
- ancaman pemotongan harga oleh firma pengikut yang boleh menghalau firma pemimpin dari pasaran meyakinkan firma pemimpin untuk menurunkan harga ke paras yang ditetapkan.
 - ancaman pemotongan harga oleh firma pemimpin yang boleh menghalau firma pengikut dari pasaran meyakinkan firma pengikut untuk menurunkan harga ke paras yang ditetapkan.
 - pakatan formal tidak diperlukan kerana tindakan firma pemimpin sudah pasti akan mempunyai kesan ke atas firma pengikut.
 - kedua-dua firma pemimpin dan pengikut seharusnya memaksimumkan keuntungan bersama kerana $MR_A^* = MC_A^*$ dan $MR_B^* = MC_B^*$.
 - Jawapan (b) dan (d) adalah benar.
29. Jika diandaikan titik optimal atau titik keseimbangan seseorang pengguna berada pada paksi mendatar, ini bermakna ...
- pengguna menghabiskan kesemua pendapatannya ke atas barangan yang berada pada paksi mendatar.
 - pengguna menghabiskan kesemua pendapatannya ke atas barangan yang berada pada paksi menegak.
 - salah satu dari barangan tersebut memberi utiliti negatif (ataupun dis-utiliti).
 - aksiom ketidakpuasan dilanggari.
 - Tiada jawapan di atas.

30. Michael membeli dua barangan, Ais krim dan VCD, yang berharga RM5 setiap unit dan RM10 setiap unit masing-masing. Kadar penggantian marginal ais krim dan VCD ($MRS_{A,V}$) bagi Michael adalah 1 dan ia menikmati nilai utiliti sebanyak 20 util.
- Michael patut menambahkan penggunaan ais krim dan mengurangkan penggunaan VCD.
 - Michael patut menambahkan penggunaan VCD dan mengurangkan penggunaan ais krim.
 - Michael tidak patut menukar kadar penggunaan barangan tersebut.
 - Michael tidak patut membeli kedua-dua barangan tersebut.
 - Tiada jawapan di atas.
31. Keluk jumlah kos berubah (TVC) dan keluk jumlah kos (TC) mempunyai bentuk S-terbalik yang sama tetapi intersepanya berlainan. Kedua-dua keluk ini berbentuk begitu kerana ...
- pulangan berkurangan ikut skala berlaku di sepanjang keluk-keluk tersebut.
 - selagi keluk kos marginal (MC) berada di bawah keluk jumlah kos purata (AC), ia akan menarik keluk TVC dan TC ke bawah. Apabila MC berada di atas AC, ia menarik keluk TVC dan TC ke atas.
 - produktiviti input berubah yang meningkat pada tingkat permulaan akan menurun selepas satu tahap.
 - Tiada jawapan di atas.
 - Semua jawapan di atas.
32. Industri pengeluaran pokok bonsai memerlukan dua jenis input, tanah dan buruh. Isokuan pokok bonsai adalah cembung ke pusat kordinat. Jika harga tanah naik ...
- penggantian faktor berlaku dari tanah ke buruh.
 - penggantian faktor berlaku dari buruh ke tanah.
 - garis isokos akan bergerak keluar pada paksi tanah.
 - garis isokos bergerak ke dalam secara selari.
 - Kedua-dua jawapan (a) dan (c) adalah betul.
33. Siti membuat pilihan diantara duku (D) dan langsung (L), dan keluk puas samanya adalah berbentuk biasa. Katakan pada titik optimal asalnya, kadar penggantian marginal Siti untuk duku dan langsung adalah 4 ($MRS_{DL}^{Siti} = 4$). Ini bermaksud Siti sudi menukarkan empat unit langsung untuk setiap unit duku pada asalnya. Kini, jika Siti bercadang untuk mendapatkan seunit duku lagi, kadar penggantian marginal Siti yang baru ...
- adalah lebih dari 4.
 - adalah kurang dari 4.
 - adalah sama dengan 4.
 - tidak boleh ditentukan dengan maklumat yang diberi.

34. Kuih ABC dan kuih XYZ menggunakan dua input yang sama: gula melaka dan tepung jagung. Di atas peta pengeluaran, input gula melaka diwakili oleh paksi menegak dan input tepung jagung berada pada paksi mendatar. Didapati yang isokuan kuih ABC adalah lebih curam dari isokuan kuih XYZ. Perbezaan dalam kecerunan kedua-dua isokuan ini ...
- tidak ada kaitan dengan pengeluaran kuih ABC dan kuih XYZ terhadap tepung jagung dan gula melaka.
 - tidak ada kaitan dengan nisbah MRTS kuih ABC dan kuih XYZ untuk tepung jagung dan gula melaka.
 - menunjukkan bahawa MRTS kuih ABC lebih besar dari MRTS kuih XYZ.
 - menunjukkan bahawa MRTS kuih XYZ lebih besar dari MRTS kuih ABC.
 - Tiada jawapan di atas.
35. Jika keluk pendapatan-penggunaan mempunyai kecerunan positif pada paras pendapatan rendah dan kemudiannya membengkok ke arah paksi menegak ...
- ini bermakna kedua-dua paksi diwakili oleh barangan normal.
 - barangan pada paksi mendatar adalah sentiasa barangan inferior.
 - kedua-dua barangan adalah barangan normal pada mulanya dan menjadi barangan inferior.
 - barangan pada paksi mendatar adalah barangan inferior pada paras pendapatan yang lebih tinggi.
 - barangan pada paksi menegak adalah barangan inferior pada paras pendapatan yang lebih tinggi.
36. Bila keluk kos purata jangka pendek mencapai titik minimum, output adalah ...
- sama dengan output di mana keluk kos berubah purata mencapai titik minimum.
 - lebih besar dari output di mana keluk kos berubah purata mencapai titik minimum.
 - kurang dari output di mana keluk kos berubah purata mencapai titik minimum.
 - sama dengan output di mana keluk kos berubah purata mencapai titik maksimum.
 - Tiada jawapan di atas.
37. Salah satu ciri utama dalam model oligopoli firma tercekap adalah ...
- output setiap firma dalam pasaran adalah hampir sama ataupun seragam.
 - kedudukan yang stabil tidak mungkin dicapai.
 - keluk-keluk permintaan adalah berbeza untuk setiap firma tetapi keluk kos adalah sama.
 - firma tercekap mengetahui keluk kos marginal firma kecil lain, dan juga ia boleh menganggar jumlah pengeluaran firma kecil oleh kerana kecekapannya.

38. Kenyataan manakah yang salah?
- a. Keluk kos marginal yang berbentuk - U memberi implikasi pulangan berkurangan wujud pada semua paras output.
 - b. Bila kos marginal sama dengan kos purata, kos purata berada pada paras minimum.
 - c. Dalam jangka masa pendek, bentuk keluk kos marginal adalah disebabkan oleh hukum pulangan marginal berkurangan.
 - d. Bila kos marginal berkurangan, jumlah kos bertambah pada kadar berkurangan.
 - e. Keluk kos marginal memotong keluk jumlah kos purata pada output yang lebih tinggi berbanding dengan output apabila keoluk kos marginal memotong keluk kos berubah purata.
39. Penambahan dalam pendapatan adalah sama dengan pengurangan harga salah satu barangan kerana ...
- a. kedua-duanya membolehkan pengguna membeli longgok barangan yang tidak dimampui pada keadaan asal.
 - b. kedua-duanya menyebabkan perubahan selari keluk belanjawan, akan tetapi dalam hala yang bertentangan.
 - c. kedua-duanya menyebabkan perubahan pada kecerunan keluk belanjawan, akan tetapi dalam arah yang bertentangan.
 - d. Tiada jawapan di atas.
40. Perbezaan di antara barangan inferior dan barangan Giffen adalah ...
- a. kesan pendapatan adalah lebih kecil dari kesan penggantian untuk barangan Giffen; manakala ianya lebih besar dari kesan penggantian untuk barangan inferior.
 - b. kesan pendapatan adalah lebih besar dari kesan penggantian untuk barangan Giffen; manakala ianya lebih kecil dari kesan penggantian untuk barangan inferior.
 - c. barangan Giffen merupakan kes istimewa barangan normal dan oleh itu ianya berbeza dengan barangan inferior.
 - d. kesan pendapatan bergerak dalam arah bertentangan.
 - e. Kedua-dua jawapan (a) dan (c) adalah benar.
41. Hubungan di antara keluk _____ dan fungsi _____ adalah sama dengan hubungan di antara keluk _____ dan fungsi _____.
- a. puas sama / permintaan / isokuan / utiliti
 - b. utiliti / permintaan / isokuan / pengeluaran
 - c. kos / permintaan / isokuan / penawaran
 - d. puas sama / utiliti / isokuan / pengeluaran
 - e. Jawapan (b) dan (d) adalah benar.

42. Dalam model Cournot ...
- firma berpakat untuk memaksimumkan keuntungan.
 - firma mengeluarkan output kompetitif.
 - keseimbangan adalah tidak stabil dalam jangka masa panjang.
 - firma mengandaikan output pesaing tetap.
 - Tiada jawapan di atas.
43. Konsep kadar penggantian marginal berkurangan pada sesuatu keluk puas sama digambarkan oleh ...
- kecerunannya yang malar.
 - kecerunannya yang negatif.
 - kecerunannya yang positif.
 - bentuknya yang cembung ke arah pusat kordinat.
 - bentuknya yang cekung ke arah pusat kordinat.
44. Dalam pasaran monopoli, cukai sekaligus dianggap sebagai sesuatu ...
- kos tetap yang menganjukkan keluk kos purata tetapi tidak mengubah kedudukan keluk kos marginal firma.
 - kawalan harga yang dipungut dengan tujuan mengurangkan kesan firma monopoli yang menjejaskan kebajikan semua pihak.
 - kawalan harga yang tidak akan mengubah keputusan output firma.
 - kawalan harga yang dapat mengurangkan keuntungan monopoli.
 - Semua jawapan di atas adalah benar.
45. Firma dalam pasaran persaingan sempurna memaksimumkan keuntungan dengan mengeluarkan output di mana ...
- kecerunan keluk TR sama dengan kecerunan keluk TC dan $TR > TVC$.
 - kecerunan keluk TR lebih besar dari kecerunan keluk TC dan $TR > TVC$
 - kecerunan keluk TR kurang dari kecerunan keluk TC dan $TR > TVC$
 - jumlah hasil dimaksimumkan.
 - jumlah hasil diminimalkan.
46. Sebuah firma dalam pasaran persaingan sempurna sedang mengeluarkan output di mana hasil marginal adalah di bawah kos berubah purata. Dalam jangka masa pendek, firma patut ...
- menambahkan pengeluaran output.
 - mengurangkan pengeluaran output.
 - menghentikan operasi.
 - menaikkan harga.

...13/-

47. Firma monopoli yang sedang menjual outputnya pada dua pasaran (A & B) berada dalam keseimbangan apabila ...
- harga pasaran A = harga pasaran B = kos marginal.
 - hasil marginal pasaran A = harga pasaran A; dan hasil marginal pasaran B = harga pasaran B.
 - hasil marginal pasaran A = hasil marginal pasaran B = kos marginal.
 - perbezaan di antara harga dan kos marginal dimaksimakan bagi setiap pasaran.
 - Jawapan (b) dan (d) adalah benar.


Jawab soalan-soalan 48-49 berdasarkan kenyataan di bawah:

Zakaria lebih gemar makan roti canai dari nasi kandar, dan lebih suka nasi kandar dari nasi lemak. Beliau menyukai laksa sama seperti ia menyukai hot-dog dan dia lebih gemarkan hot-dog dari nasi kandar.


48. Jika Zakaria mempunyai keutamaan yang mematuhi aksiom-aksiom pilihan pengguna yang biasa, bagaimanakah pilihannya di antara hot-dog dan nasi lemak?
- Lebih gemar hot-dog dari nasi lemak
 - Lebih gemar nasi lemak dari hot-dog.
 - Gemar nasi lemak sama seperti ia gemarkan hot-dog.
 - Tidak boleh ditentukan.
49. Bagaimanakah pilihan Zakaria antara laksa dan roti canai pula?
- Lebih gemar laksa dari roti canai.
 - Lebih gemar roti canai dari laksa.
 - Gemar roti canai sama seperti ia gemarkan laksa.
 - Tidak boleh ditentukan.
50. Untuk menjalankan diskriminasi harga dikalangan pengguna, pengeluar monopoli perlu ...
- mempastikan penjualan semula tidak berlaku.
 - mengurangkan output tetapi mengekalkan harga yang sama.
 - mengenal pasti kesanggupan membayar setiap individu.
 - Tiada jawapan di atas.
 - Jawapan (a) dan (b) adalah benar.

51. Firma dominan dalam pasaran oligopoli menetapkan harganya dengan mengandaikan firma-firma lain ...
- beroperasi sebagai firma dalam pasaran persaingan sempurna.
 - akan mengenakan harga yang lebih tinggi darinya.
 - akan mengeluarkan output yang lebih kurang darinya.
 - beroperasi sebagai firma dalam pasaran monopoli.
 - Tiada jawapan di atas.
52. Andaikan dua barangan, X dan Y, di mana X berada pada paksi mendatar dan Y berada pada paksi menegak. Harga barangan X dan Y adalah P_X dan P_Y masing-masing, manakala pendapatan diwakili oleh M. Garis belanjawannya merupakan garis lurus yang mencerun ke bawah. Kenyataan manakah mengenai garis belanjawan tersebut adalah **palsu**?
- Garis belanjawan mewakili semua kombinasi barangan X dan Y yang boleh dibeli oleh pengguna jika pendapatan dan harga barangan diandaikan.
 - Kecerunan garis belanjawan adalah $-\frac{P_Y}{P_X}$.
 - Intersep garis belanjawan pada paksi menegak adalah $\frac{M}{P_Y}$.
 - Kesemua jawapan di atas adalah benar.
53. Keluk penawaran jangka pendek firma pasaran persaingan sempurna adalah ...
- keluk kos marginalnya.
 - keluk kos marginalnya yang terletak pada bahagian atas titik minimum keluk kos berubah purata (AVC).
 - keluk kos marginalnya yang terletak pada titik minimum keluk jumlah kos purata (ATC).
 - hasil tambah keluk penawaran jangka pendek semua firma dalam industri secara mendatar.
 - Tiada jawapan di atas. Firma pasaran persaingan sempurna tidak mempunyai keluk penawaran dalam jangka pendek.
54. Keluk permintaan firma monopoli mencerun ke bawah kerana ...
- keuntungan setiap unit berkurang.
 - hasil marginal akan menjadi negatif dalam jangka masa panjang.
 - ianya keluk permintaan pasaran.
 - kerugian luputnya adalah lebih besar dari firma pasaran persaingan sempurna.
 - Tiada jawapan di atas.


55. Di antara makanan roti canai dan murtabak, Ahmad tidak menikmati murtabak sama sekali (iaitu, ia tidak mencapai utiliti positif mahupun utiliti negatif hasil dari tambahan seunit murtabak). Kepuasannya hanya didorongi oleh roti canai. Gambarajah manakah yang menunjukkan peta puas sama Ahmad?




a.




c.



b.




d.



e.

Gunakan gambarajah di bawah untuk menjawab soalan-soalan 56-58.



56. Kesan pendapatan perubahan harga barangan Y adalah dari titik ...

- a. Y_r ke Y_q
- b. Y_r ke Y_p
- c. Y_p ke Y_r
- d. Y_q ke Y_p



57. Kesan penggantian perubahan harga barangan Y adalah dari titik ...

- a. Y_r ke Y_q
- b. Y_r ke Y_p
- c. Y_p ke Y_q
- d. Y_q ke Y_p


58. Barangan Y adalah barangan ...

- a. normal.
- b. inferior.
- c. Giffen.
- d. pengganti.
- e. penggenap.


59. Gambarajah di bawah menggambarkan keluk harga-penggunaan untuk barangan T-shirt. Andaikan pendapatan adalah RM20 dan harga barangan Y adalah RM1. Pilih keluk permintaan yang diterbitkan oleh keluk harga-penggunaan tersebut:




a.



c.




b.



d.

Rujuk gambarajah di bawah untuk menjawab soalan-soalan 60 – 63.



60. Di antara buruh 0 dan A ...

- a. jumlah keluaran buruh sedang jatuh.
- b. keluaran purata buruh sedang meningkat.
- c. keluaran marginal adalah negatif.
- d. keluaran marginal mencapai tahap minimum.
- e. Tiada jawapan di atas.

61. Di antara buruh B dan C ...

- a. keluaran marginal mencapai tahap maksimum.
- b. keluaran purata sedang meningkat dan mencapai tahap maksimum pada C.
- c. jumlah keluaran menurun.
- d. keluaran marginal menurun.
- e. Tiada jawapan di atas.

62. Keluaran marginal mencapai paras maksimum pada buruh ...

- a. A
- b. B
- c. C
- d. D
- e. E

63. Pada buruh B ...

- a. keluaran purata adalah sama dengan keluaran marginal.
- b. keluaran marginal adalah maksimum.
- c. jumlah keluaran bertambah pada kadar bertambahan.
- d. keluaran purata berkurangan tetapi adalah positif.
- e. Jawapan (c) dan (d) adalah benar.

64. Seorang majikan sedang membuat keputusan sama ada hendak mengupah seorang pekerja tambahan dalam proses pengeluarannya. Faktor manakah yang perlu dipertimbangkan oleh majikan tersebut mengenai pekerja tambahan tersebut?

- a. Keluaran puratanya.
- b. Jumlah keluarannya.
- c. Tahap pengeluarannya.
- d. Keanjalan pengeluarannya.
- e. Keluaran marginalnya.

65. Terdapat banyak teori dan model dalam pasaran oligopoli kerana ...

- a. firma oligopoli terlalu rumit untuk difahami.
- b. objektif utama firma oligopoli tidak berdasarkan untung maksima.
- c. keluaran yang berbeza menyebabkan kelakuan firma yang berbeza.
- d. keseimbangan firma oligopoli tidak berdasarkan $P = MC$ ataupun $MR = MC$.
- e. setiap teori atau model berdasarkan corak reaksi pesaing yang berbeza.


Bahagian B (35%)

Jawab SEMUA soalan berikut dengan memasukkan jawapan ke dalam ruang-ruang kosong yang disediakan.

- Lakarkan keluk-keluk firma monopoli yang sedang beroperasi walaupun mengalami kerugian dalam jangka pendek. Sebagai bantuan menjawab, kenalpastikan kawasan-kawasan berikut dalam gambarajah anda: (i) TR, (ii) TC, (iii) $-\pi$ (kerugian), (iv) TFC, dan (v) TVC. Patutkah firma ini meneruskan operasinya dalam jangka pendek? Berikan penjelasan ringkas dalam ruang kosong yang diberi.

[ARAHAN TEGAS: Jangan jawab bahagian (i)-(v) secara esei! Anda hanya perlu kenalpastikan kawasan-kawasan tersebut dengan titik-titik yang sesuai]

(12 markah)



- | | |
|----------------------|------------------|
| (i) TR = _____ | (iv) TFC = _____ |
| (ii) TC = _____ | (v) TVC = _____ |
| (iii) $-\pi$ = _____ | |

Penjelasan ringkas: _____

2. Isikan tempat-tempat kosong di dalam jadual di bawah.

Tanah (hektar)	Bil. Buruh	Jumlah Output	Keluaran Purata Buruh	Keluaran Marginal Buruh
12	0	0	-	-
12	1	75	_____	_____
12	2	_____	100	_____
12	3	_____	_____	100
12	4	380	_____	_____
12	5	_____	_____	50
12	6	_____	75	_____

(6 markah)

3. Pada tahun 1998, kerajaan memperkenalkan sistem telefon baru di bawah rancangan "Equal Access" (EA). Mengikut sistem EA, pengguna boleh mendail kod tiga nombor digit dan memilih mana-mana dari lima operator untuk membuat panggilan tempatan dan luar negara. Operator-operator ini terdiri dari Telekom Malaysia, Bina Sat Com Sdn. Bhd., Time Telecommunications Sdn. Bhd., DiGi Telecommunications Sdn. Bhd., dan Celcom (M) Sdn. Bhd. Justeru itu, kuasa monopoli Telekom Malaysia yang telah berlanjutan selama ini tidak akan wujud lagi. Walaupun begitu, pihak kerajaan bimbang bahawa jika kerajaan tidak mencampur tangan langsung, satu aspek negatif di antara operator-operator mungkin wujud. Bincangkan aspek negatif ini secara ringkas.

(5 markah)

[ARAHAN TEGAS: Pastikan jawapan anda tidak melebihi lima baris]

4. Keluk permintaan agregat duopoli Cournot diberi oleh persamaan:

$$P = 10 - \frac{1}{2} (Q_T) \quad (\text{di mana } Q_T = Q_X + Q_Y)$$

Dapatkan: (i) fungsi reaksi firma X & Y, (ii) Q_X^* dan Q_Y^* , (iii) Q_T^* , (iv) harga pasaran (P^*), dan (v) π_X^* dan π_Y^* . Andaikan *kos purata* untuk firma X & Y adalah RM2 dan RM6 masing-masing.

(12 markah)